

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]
TARIKH : 11.6.2014
SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) senarai yang mana satu Institusi Pengajian Tinggi yang berstatus sebuah institusi seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dan yang mana pula berstatus universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan
- (b) apakah pula kriteria yang membezakan di antara mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Institusi Pengajian Tinggi yang tertakluk di bawah Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 adalah institusi selain daripada universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.
- (b) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 merupakan suatu akta bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran. Manakala, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 merupakan

suatu akta mengenai peruntukan bagi menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir
Universiti dan Kolej Universiti.

Rjm43